

06/05/2001

Dubai syurga barang kemas Malaysia

Zainuddin Ayip

SELAIN melancong atau ada tugas rasmi di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), pengunjung lazimnya berminat membeli barang kemas, kain sutera, permaidani dan peralatan telekomunikasi.

Namun, ramai tidak tahu kebanyakan barang kemas walaupun harganya lebih murah adalah buatan Malaysia. Orang Arab tertarik dengan reka bentuk barang kemas yang dihasilkan orang Malaysia.

"Saya dimaklumkan, ada usahawan Pulau Pinang membawa jongkong emas dan barang kemas sudah siap ke Dubai," kata Duta Besar Malaysia di UEA, Datuk Syed Hussein Al-Habshee ketika ditemui di Dubai, baru-baru ini.

Beliau berkata, usahawan bernama Farouq yang digelar Mr Gold sering berulang-alik dari Pulau Pinang ke Dubai sejak 20 tahun lalu. Ada ketikanya dia membawa hingga 50 kilogram emas termasuk yang sudah siap untuk dijual di Dubai dan Abu Dhabi.

Apabila mengunjungi Naif, salah satu kawasan perniagaan di Dubai, saya terkejut dengan deretan kedai emas yang tidak dijaga pengawal keselamatan bersenjata seperti di Kuala Lumpur.

Hampir 100 kedai berdinginkan kaca menjual barang kemas terutama kalung, rantai, cincin dan gelang. Disebabkan tidak diletakkan tanda harga, pembeli harus menawarnya serendah mungkin. Bagaimanapun, harganya tetap lebih murah berbanding di Malaysia.

Beberapa pemilik kedai emas yang ditemui mengakui, mereka tidak bimbang kedainya dipecah masuk perompak. Ini kerana kereta peronda polis kerap lalu-lalang di kawasan itu.

Rupanya, berdasarkan maklum balas daripada peniaga yang ditemui, kadar jenayah di Dubai memang rendah. Mereka tidak bimbang walaupun kedainya sekadar berdinginkan kaca tanpa perlu dipasang jeriji besi.

"Memang benar, kes jenayah tidak berleluasa kerana hukuman di sini ketat. Lagipun tiada orang hidup melarat hingga terpaksa merompak. Kalau tak percaya, carilah peminta sedekah jalanan di sini," kata Johan Abdullah, warga Malaysia yang mengendalikan hotel empat bintang di Dubai.

Menurut Johan, memang sukar mencari orang gelandangan di bandar yang berpenduduk dua juta orang itu. Penduduk Dubai terutama warga asalnya hidup senang dengan kekayaan bersumberkan petroleum dan gas. Orang India, Pakistan dan Iran yang menjadi penduduk majoriti Dubai tidak banyak kerehah. Mereka bekerja mengikut peraturan. Mereka takut dihukum dan dihalau pulang jika buat kesalahan.

Tinjauan selama lima hari ketika membuat liputan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan lawatan kerja ke Dubai, baru-baru ini, mendapati memang tidak kelihatan orang meminta sedekah dan tidur di kaki lima.

Persekitaran kawasan awam, jalan utama dan pusat beli-belah kelihatan bersih dan tiada puntung rokok. Walaupun keadaan cuaca di Dubai begitu panas, sekitar jalan dan taman dihiasi pokok bunga dan tumbuhan menghijau.

Kedai menjual sutera dan permaidani buatan Pakistan, Itali, Turki dan China juga popular di kalangan pelancong. Yang jelas deretan kedai menjual barangan elektrik dan peralatan telekomunikasi terutama telefon bimbit menjadi tumpuan kerana harganya lebih murah.

Pelancong Islam tidak menghadapi masalah makanan. Walaupun nasi bukan makanan utama penduduk tempatan, namun ia dijual di merata tempat. Nasi beriani juga mudah ditemui. Lebih memeranjatkan apabila ada restoran menjual roti canai.

Saya sengaja bertanya dalam bahasa Melayu "Ada jual teh tarik tak!" Tiba-tiba seorang pekerja restoran berketurunan India menjawab: "Teh tarik ada, gelas kecil atau besar." Saya terkejut sambil tersenyum.

Rupanya, lelaki itu pernah bekerja di Malaysia dan dia berhijrah ke Dubai untuk mencari pengalaman baru dan pendapatan lebih lumayan. Rata-rata pemilik kedai dan restoran berketurunan India dan Pakistan beragama Islam, seolah-olah Dubai dipenuhi warga asing.

Pemandu teksi kebanyakannya warga India dari wilayah Kerala, Pakistan, Syria dan Lebanon. Warga Indonesia dan Filipina ramai bekerja di hotel. Di Hotel Royal Mirage, tempat Perdana Menteri menginap, ada 132 warga Indonesia bekerja sebagai pencuci, tukang kebun, pengemas bilik dan pelayan restoran.

Kehadiran begitu ramai pekerja asing tidak bermakna orang tempatan malas atau tidak mahu bekerja. Ini kerana daripada dua juta penduduk Dubai, hanya 400,000 atau 20 peratus saja orang tempatan. Mereka kebanyakannya tauke dan usahawan besar.

Jalan raya di Dubai cukup lebar dan lurus. Tiada tol. Kereta buatan Eropah dan Asia menguasai jalan raya. Memang sukar melihat kereta berusia lebih lima tahun di jalan raya. Harganya pula lebih murah daripada Malaysia kerana tiada cukai. Bayangkan teksi, kebanyakannya Toyota Camry dan Nissan Sentra mesti ditukar setiap dua tahun. Harga petrol juga murah, tidak sampai 80 sen seliter manakala harga kereta baru 30 hingga 50 peratus lebih murah daripada Malaysia.

Boleh dikatakan kebanyakan harga barang keperluan lebih murah atau setanding di Kuala Lumpur. Namun, ada juga buah-buahan dijual mahal. Ketika membuat tinjauan di kompleks Carrefour Dubai, buah durian berharga RM25 hingga RM30 sekilo manakala rambutan dan manggis RM10 hingga RM13 sekilo. Kebanyakan buah-buahan ini diimport dari Malaysia dan Thailand.

Orang Malaysia tidak menghadapi masalah untuk membandingkan harga sesuatu barang kerana nilai Ringgit Malaysia (RM) dan Dirham hampir sama. Sesetengah kedai menerima ringgit tetapi Dolar Amerika lebih popular.

Apa pun jumlah rakyat Malaysia yang bekerja di UAE tidak ramai. Ada kira-kira 400 orang dan tiada rakyat Malaysia belajar di negara itu. Secara kebetulan, rakyat Malaysia di UAE berkumpul di Hotel Royal Meridien dalam satu majlis ramah mesra dengan Perdana Menteri.

Presiden Kelab Malaysia di UEA, Sabarudin Ismail, berkata selain bekerja di pejabat kedutaan, sebahagian besar warga Malaysia berniaga atau bekerja sebagai jurutera dan perunding.

"Penubuhan kelab ini bertujuan menyatukan penduduk Malaysia, sambil berbincang dan saling membantu," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menasihati mereka agar menjaga nama baik negara dan memperbetulkan tohmahan dan berita negatif mengenai Malaysia yang disiarkan media Barat.

(END)